



KAPAL SuperStar Libra berlabuh di Pelabuhan Klang.

Perkenal tiga pangkalan baru

■ Star Cruises kembang pasaran di Asia Tenggara

Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Pengendali kapal pelayaran mewah, Star Cruises memperkenalkan tiga pangkalan baru iaitu Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang di Malaysia serta Phuket, Thailand bagi mengembangkan sumber pasaran di Asia Tenggara, bermula 3 September lalu.

Naib Presiden Kanan Jualan Antarabangsa Genting Cruise Lines, Michael Goh berkata, pengenalan pangkalan itu bertujuan merangsang pertumbuhan sektor pelancongan dan memberi lebih banyak pilihan kepada orang ramai.

"Ia membabitkan dua pelayaran setiap minggu, termasuk pelayaran tiga malam bermula dari Kuala Lumpur/Phuket/Pulau Pi-

nang atau pelayaran empat malam iaitu Kuala Lumpur/Langkawi/Phuket/Pulau Pinang," katanya pada majlis pengumuman tiga pangkalan baru Star Cruises, di sini.

Menurut beliau, Star Cruises menawarkan pakej terhad sehingga 10 September ber-harga RM699 untuk tiga malam dan RM899 untuk pakej empat malam menaiki kapal pelayaran mewah berkenaan.

"Pelbagai aktiviti termasuk persembahan pentas, membeli-belah di premis bebas cukai dan pelbagai tempat rekreasi disediakan seperti kolam renang, spa dan jakuzzi.

"SuperStar Libra juga menawarkan pelbagai pakej penginapan di atas kapal

bagi memenuhi keperluan dan bajet seperti kabin yang mempunyai ruang tamu untuk melihat pemandangan laut yang menakjubkan," katanya.

Dalam pada itu, kata Michael, Star Cruises turut akan menambah lokasi terbaru di dalam pakej pelayaran mereka dengan singgah di Pulau MacLeod, Myanmar bermula November depan.

"Pulau yang terletak di pantai barat Myanmar itu masih jauh dari laluan utama pelancong dan ia belum tercemar selain terencil serta suasananya amat menakjubkan.

"Pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti menyelam, memancing dan ber-kayak," katanya.

FAKTA

Star Cruises akan tambah pakej pelayaran ke Pulau MacLeod, Myanmar bermula November depan



DARI kiri, Goh (kiri), Kapten Kapal SuperStar Libra, Christian Gerhard Aalbers dan Pengurus Besar Boatstead Cruise Centre, Syed Jaafar Syed Mohamed pada majlis pengumuman tiga pangkalan baru Star Cruises.